



28 Jun 2024
28 June 2024
P.U. (A) 178

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

*PLANNING CONTROL (GENERAL)
(FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
PERMOHONAN BAGI KEBENARAN MERANCANG

3. Permohonan bagi kebenaran merancang
4. Arahan bertulis
5. Permohonan bagi pelanjutan kebenaran merancang
6. Maklumat dan keterangan
7. Penyenggaraan Daftar Permohonan
8. Notis kepada pemunya tanah berjiran
9. Perundingan

BAHAGIAN III
PEMBERIAN KEBENARAN MERANCANG

10. Pemberian kebenaran merancang
11. Notis kepada pembantah terhadap pemberian kebenaran merancang
12. Perintah pembatalan atau pengubahsuaian kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan
13. Tuntutan bagi pampasan dan kos

BAHAGIAN IV
KAWALAN KEBENARAN MERANCANG

Kaedah

14. Notis bagi pemajuan tanpa kebenaran merancang
15. Notis bagi pemajuan yang berlawanan dengan kebenaran merancang
16. Notis bagi pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang diubah suai
17. Notis rekuisisi
18. Perakuan pematuhan notis rekuisisi
19. Tuntutan berikutan pematuhan notis rekuisisi
20. Notis pembelian

BAHAGIAN V
PERUNTUKAN AM

21. Kadar sumbangan tempat parkir
22. Kadar sumbangan kawasan lapang

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 58(1) dan (2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [*P.U. (A) 442/2010*], Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Labuan membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2024.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Akta” ertinya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [*P.U. (A) 442/2010*];

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Akta;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Labuan 2001 [*Akta 609*].

BAHAGIAN II
PERMOHONAN BAGI KEBENARAN MERANCANG

Permohonan bagi kebenaran merancang

3. (1) Suatu permohonan bagi kebenaran merancang berkenaan dengan suatu pemajuan hendaklah dibuat oleh pemohon kepada Perbadanan dalam Borang A(1) Jadual Pertama berserta dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(2) Suatu permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah mengandungi butir-butir dan disertakan dengan dokumen dan pelan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Arahan bertulis

4. (1) Suatu arahan bertulis di bawah subseksyen 21(3) Akta atau subseksyen 21B (2) Akta yang diberi oleh Perbadanan kepada pemohon untuk meminda pelan yang dikemukakan dengan permohonan kebenaran merancang hendaklah dibuat dalam Borang A(2) Jadual Pertama.

(2) Jika suatu arahan bertulis di bawah subseksyen 21(4) Akta atau subseksyen 21B (3) Akta diberikan oleh Perbadanan kepada pemohon, pemohon boleh, setelah pindaan dibuat atas pelan itu, mengemukakan semula permohonan kebenaran merancang itu dalam Borang A(3) Jadual Pertama.

(3) Suatu permohonan di bawah subkaedah (2) hendaklah dikemukakan semula kepada Perbadanan dalam tempoh tujuh hari atau suatu tempoh yang ditentukan oleh Perbadanan atau suatu tempoh yang dilanjutkan atas permintaan pemohon dan dipersetujui oleh Perbadanan.

Permohonan bagi pelanjutan kebenaran merancang

5. Suatu permohonan untuk suatu tempoh lanjutan atau tempoh lanjutan tambahan kepada kebenaran merancang di bawah subseksyen 24(3) Akta hendaklah dibuat oleh pemohon kepada Perbadanan dalam Borang B Jadual Pertama berserta dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Maklumat dan keterangan

6. Jika suatu permohonan bagi kebenaran merancang melibatkan pendirian suatu bangunan, Perbadanan boleh menghendaki pemohon supaya memberikan butir-butir atau maklumat lanjut sebagaimana yang perlu untuk membolehkan Perbadanan membuat keputusan mengenai permohonan itu.

Penyenggaraan Daftar Permohonan

7. Perbadanan hendaklah menyenggara suatu Daftar Permohonan yang mengandungi butir-butir permohonan apabila permohonan bagi kebenaran merancang itu diterima.

Notis kepada pemunya tanah berjiran

8. Suatu notis bertulis yang disampaikan oleh Perbadanan kepada pemunya tanah berjiran di bawah subseksyen 21(6) Akta untuk memberitahu mereka akan hak mereka untuk membantah permohonan kebenaran merancang itu hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Keempat dan hendaklah disampaikan mengikut seksyen 46 Akta.

Perundingan

9. Sebelum mempertimbangkan apa-apa permohonan bagi kebenaran merancang, Perbadanan bolehlah berunding dengan mana-mana pihak berkuasa, pertubuhan, kumpulan atau mana-mana orang yang berkepentingan.

BAHAGIAN III

PEMBERIAN KEBENARAN MERANCANG

Pemberian kebenaran merancang

10. (1) Selepas mempertimbangkan permohonan yang dibuat di bawah kaedah 3 dan memutuskan untuk memberikan kebenaran merancang, Perbadanan hendaklah mengeluarkan pemberian kebenaran merancang dalam Borang C(1) Jadual Pertama.

(2) Jika Perbadanan memutuskan untuk tidak memberikan suatu kebenaran merancang, Perbadanan hendaklah mengeluarkan suatu penolakan kebenaran merancang dalam Borang C(2) Jadual Pertama.

Notis kepada pembantah terhadap pemberian kebenaran merancang

11. Jika kebenaran merancang telah diberikan di bawah subkaedah 10(1), suatu notis mengenai pemberian kebenaran merancang dalam Borang B Jadual Keempat hendaklah diberikan kepada pemunya tanah berjiran yang telah membuat apa-apa bantahan di bawah subseksyen 21(6) Akta.

Perintah pembatalan atau pengubahsuaian kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan

12. (1) Suatu perintah bagi pembatalan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan di bawah subseksyen 25(1) Akta hendaklah dibuat dalam Borang C(1) Jadual Keempat.

(2) Suatu perintah bagi pengubahsuaian kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan di bawah subseksyen 25(1) Akta hendaklah dibuat dalam C(2) Jadual Keempat.

(3) Satu salinan perintah di bawah subkaedah (1) dan (2) hendaklah disampaikan kepada orang yang diberikan kebenaran atau kelulusan itu sebaik sahaja Jawatankuasa memberikan pengesahannya menurut subseksyen 25(2) Akta.

Tuntutan bagi pampasan dan kos

13. (1) Suatu tuntutan bagi pampasan di bawah subseksyen 25(7) Akta berhubung dengan pembatalan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Kelima dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah pembatalan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan disampaikan mengikut subkaedah 12(3) kepada orang yang diberikan kebenaran atau kelulusan itu.

(2) Suatu tuntutan bagi kos sebenar dan pampasan di bawah subseksyen 25(8) Akta berhubung dengan pengubahsuaian kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan hendaklah dibuat dalam Borang B Jadual Kelima dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah pengubahsuaian kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan disampaikan mengikut subkaedah 12(3) kepada orang yang diberikan kebenaran atau kelulusan itu.

BAHAGIAN IV KAWALAN KEBENARAN MERANCANG

Notis bagi pemajuan tanpa kebenaran merancang

14. (1) Suatu notis di bawah perenggan 27(2)(a) Akta dalam hal pemajuan yang telah siap yang menghendaki pemulihan semula tanah hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Keempat.

(2) Suatu notis di bawah perenggan 27(2)(b) Akta dalam hal pemajuan yang belum siap yang menghendaki penghentian pemajuan dengan serta-merta dan menghendaki pemulihan semula tanah hendaklah dibuat dalam Borang E Jadual Keempat.

(3) Suatu notis di bawah subseksyen 27(3) Akta yang memaklumkan pelanggaran dan menghendaki kebenaran merancang dipohon hendaklah dibuat dalam Borang F Jadual Keempat.

(4) Suatu notis di bawah subseksyen 27(4) Akta yang menghendaki penghentian pemajuan serta-merta hendaklah dibuat dalam Borang G Jadual Keempat.

(5) Suatu notis di bawah subseksyen 27(8) Akta yang menghendaki pemulihan semula tanah dalam hal kebenaran merancang tidak dipohon di bawah subseksyen 27(3) Akta atau permohonan bagi kebenaran merancang itu ditolak hendaklah dibuat dalam Borang H Jadual Keempat.

Notis bagi pemajuan yang berlawanan dengan kebenaran merancang

15. (1) Suatu notis di bawah perenggan 28(2)(a) Akta dalam hal pemajuan yang telah siap yang menghendaki pematuhan kepada kebenaran merancang atau menghendaki pemulihan semula tanah hendaklah dibuat masing-masingnya dalam Borang I(1) dan I(2) Jadual Keempat.

(2) Suatu notis di bawah perenggan 28(2)(b) Akta dalam hal pemajuan yang belum siap yang menghendaki penghentian pemajuan dengan serta-merta dan pematuhan kepada kebenaran merancang atau menghendaki pemulihan semula tanah hendaklah dibuat masing-masingnya dalam Borang J(1) dan J(2) Jadual Keempat.

(3) Suatu notis di bawah subseksyen 28(3) Akta yang memaklumkan pelanggaran dan menghendaki agar suatu kebenaran merancang baharu dipohon hendaklah dibuat dalam Borang K Jadual Keempat.

(4) Suatu notis di bawah subseksyen 28(4) Akta yang menghendaki penghentian pemajuan serta-merta dalam hal pemajuan yang tidak menepati kebenaran merancang dan syarat-syaratnya hendaklah dibuat dalam Borang L Jadual Keempat.

(5) Suatu notis di bawah subseksyen 28(8) Akta yang menghendaki pematuhan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya dalam hal permohonan kebenaran merancang yang baharu tidak dibuat atau ditolak, hendaklah dibuat dalam Borang M Jadual Keempat.

(6) Suatu notis di bawah subseksyen 28(8) Akta yang menghendaki pemulihan semula tanah dalam hal permohonan bagi kebenaran merancang yang baharu tidak dibuat atau ditolak, hendaklah dibuat dalam Borang N Jadual Keempat.

Notis bagi pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang diubah suai

16. (1) Suatu notis di bawah perenggan 29(2)(a) Akta dalam hal pemajuan yang telah siap yang menghendaki pematuhan supaya selaras dengan kebenaran merancang

atau kelulusan pelan bangunan yang diubah suai hendaklah dibuat dalam Borang O Jadual Keempat.

(2) Suatu notis di bawah perenggan 29(2)(b) Akta dalam hal pemajuan yang belum siap yang menghendaki penghentian aktiviti dengan serta-merta dan pematuhan supaya selaras dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang diubah suai hendaklah dibuat dalam Borang P Jadual Keempat.

(3) Suatu notis di bawah subseksyen 29(3) Akta yang menghendaki pemulihan semula tanah yang dikeluarkan apabila Perbadanan tidak berpuas hati sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 29(2) Akta hendaklah dibuat dalam Borang Q Jadual Keempat.

Notis rekuisisi

17. (1) Suatu notis rekuisisi di bawah subseksyen 30(1) Akta hendaklah dibuat dalam Borang R Jadual Keempat untuk menghentikan penggunaan tanah.

(2) Suatu notis rekuisisi di bawah subseksyen 30(1) Akta hendaklah dibuat dalam Borang S Jadual Keempat untuk mengenakan syarat-syarat ke atas penggunaan tanah yang berterusan.

(3) Suatu notis rekuisisi di bawah subseksyen 30(1) Akta hendaklah dibuat dalam Borang T Jadual Keempat untuk mengubah atau memindah bangunan atau kerja-kerja di atas tanah.

Perakuan pematuhan notis rekuisisi

18. Apabila kehendak suatu notis rekuisisi dipatuhi, Perbadanan hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pematuhan kepada orang yang telah disampaikan notis berkenaan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh pematuhan itu.

Tuntutan berikutan pematuhan notis rekuisisi

19. (1) Suatu tuntutan di bawah subseksyen 30(5) Akta bagi perbelanjaan atau kos menjalankan kerja-kerja untuk mematuhi suatu notis rekuisisi hendaklah dibuat dalam

Borang C Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh Perbadanan memperakui bahawa notis rekuisisi telah dipatuhi.

(2) Suatu tuntutan di bawah subseksyen 30(5) Akta bagi kerosakan yang berupa susut nilai tanah yang dialami berikutan dengan pematuhan suatu notis rekuisisi hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh Perbadanan memperakui bahawa notis rekuisisi telah dipatuhi.

(3) Suatu amaun pampasan di bawah subseksyen 30(5) Akta oleh Perbadanan hendaklah dibuat dalam Borang E Jadual Kelima.

Notis pembelian

20. (1) Suatu notis pembelian di bawah seksyen 37 Akta hendaklah dibuat dalam Borang U(1) Jadual Keempat manakala penyesuaian dengan suatu notis rekuisisi hendaklah dibuat dalam Borang U(2) Jadual Keempat.

(2) Penyerahan notis pembelian kepada Perbadanan hendaklah terlaksana dengan menghantar notis itu melalui pos berdaftar kepada Perbadanan.

BAHAGIAN V PERUNTUKAN AM

Kadar sumbangan tempat parkir

21. (1) Kadar sumbangan tempat parkir dalam kawasan Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(2) Tawaran pembayaran sumbangan tempat parkir bagi menggantikan tempat parkir yang tidak dapat disediakan secara fizikal kepada Perbadanan hendaklah dibuat dalam Borang Jadual Keenam.

Kadar sumbangan kawasan lapang

22. (1) Kadar sumbangan kawasan lapang dalam kawasan Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

(2) Tawaran pembayaran sumbangan kawasan lapang bagi menggantikan kawasan lapang yang tidak dapat disediakan secara fizikal kepada Perbadanan hendaklah dibuat dalam Borang Jadual Ketujuh.

JADUAL PERTAMA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG A(1)

PERMOHONAN BAGI KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 3(1)]

(mengikut subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan

.....
.....

*Saya/Kami
(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat

Nombor Kad Pengenalan : dengan ini memohon bagi kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan yang berikut:

+

- (a) untuk membuat perubahan yang material dalam penggunaan tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (b) untuk memecahbahagikan tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (c) untuk mencantumkan tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (d) untuk *mendirikan/membina di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini *suatu bangunan/bangunan-bangunan dan menjalankan kerja-kerja tanah mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (e) untuk membuat perubahan yang material dalam penggunaan *bangunan/bangunan-bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan susun atur yang disertakan;

(f) untuk menjalankan *tambahan/perubahan ke atas suatu bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan susun atur yang disertakan;

(g) untuk menjalankan kerja-kerja *kejuruteraan/perlombongan/perindustrian mengikut pelan susun atur yang disertakan;

(h) pindaan kepada kebenaran merancang.

Penggunaan tanah yang sedia ada :

Penggunaan bangunan yang sedia ada (jika ada) di atas tanah :

Kepentingan pemohon pada tanah : *pemunya/penghuni/bakal pembeli/kepentingan lain :

2. Seperti yang dikehendaki oleh subkaedah 3(2), Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2024, *Saya/Kami sekarang menyerahkan semua dokumen dan pelan yang relevan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

3. Seperti yang dikehendaki oleh subkaedah 3(1), Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2024, *Saya/Kami sekarang menyerahkan fi sebanyak Ringgit Malaysia : (RM.....) sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Tarikh :
(tanda tangan pemohon)

Nama :
 Nombor Kad Pengenalan :
 Jawatan :
 Nombor P.A. (jika ada) :
 Nombor telefon :
 Nombor faks :
 Alamat e-mel :

* Potong mana yang tidak berkenaan
 + Tanda (✓) dalam kotak yang berkenaan

PERIHAL TANAH

Nombor *Geran/Pajakan/Hakmilik Sementara :

Alamat :

.....

Negeri : Wilayah Persekutuan Labuan

Nombor Lot :

Penggunaan tanah yang sedia ada :

Penggunaan bangunan yang sedia ada (jika ada) di atas tanah :

Kepentingan pemohon pada tanah : *pemunya / penghuni / bakal pembeli / kepentingan lain :

(Jika permohonan melibatkan lebih daripada satu lot, lampirkan satu perihal sama bagi tiap-tiap lot lain itu)
* Potong mana yang tidak berkenaan

PERSETUJUAN PEMUNYA TANAH

*Saya/Kami
(nama pemunya tanah)

beralamat

Nombor Kad Pengenalan : pemunya tanah yang diperihalkan di atas, bersetuju dengan pemajuan yang baginya kebenaran merancang dengan ini dipohon.

Tarikh:
(tandatangan pemunya tanah)

(Jika ada pemunya-pemunya tanah lain, lampirkan persetujuan yang sama bagi tiap-tiap satu)
* Potong mana yang tidak berkenaan

NAMA PEMUNYA-PEMUNYA TANAH BERJIRAN

- | | |
|--------------------|--------------------|
| 1. Nama : | 2. Nama : |
| Nombor KP : | Nombor KP : |
| Nombor lot : | Nombor lot : |
| Alamat : | Alamat : |
| | |
| | |
| | |

- | | |
|--------------------|--------------------|
| 3. Nama : | 4. Nama : |
| Nombor KP : | Nombor KP : |
| Nombor lot : | Nombor lot : |
| Alamat : | Alamat : |
| | |
| | |
| | |

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

Nombor Pendaftaran Permohonan Kebenaran Merancang :
Tarikh terima :
Nombor rujukan fail :
Nama Rancangan Tempatan :
Jenis penggunaan dalam Rancangan Tempatan :
Rancangan Tempatan *telah diwartakan/belum diwartakan
Nombor *Warta* Rancangan Tempatan :
Tarikh diakui terima :

* Potong mana yang tidak berkenaan

AKUAN TERIMA PERMOHONAN

Perbadanan Labuan dengan ini mengaku terima permohonan
.....
bertarikh bagi kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan tanah yang
mempunyai Nombor Hakmilik :Nombor Lot :
..... beralamat
..... dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
Nombor Pendaftaran Permohonan Kebenaran Merancang :
Nombor rujukan fail :

Tarikh :

Meterai :

(Pegawai diberi kuasa)

JADUAL PERTAMA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG A(2)

NOTIS MEMINDA PELAN

[subkaedah 4(1)]

(mengikut subseksyen 21(3) atau 21B (2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Kepada:

.....
.....
.....

Setelah membuat semakan ke atas permohonan tuan dan mengambil kira perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang, keperluan teknikal serta dokumen rancangan pemajuan sedia ada, arahan bertulis adalah seperti di Lampiran A dengan ini dikenakan kepada

.....
(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat

bagi tujuan
(nyatakan jenis pemajuan)

Nombor Lot : beralamat

..... dalam Wilayah Persekutuan

Labuan sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan Nombor Rujukan Fail :

dan Nombor Rujukan Pendaftaran Kebenaran Merancang : dan syarat-syarat teknikal yang dilampirkan.

2. Tuan dikehendaki mengembalikan pelan cadangan yang dipinda dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notis ini dikeluarkan. Kegagalan untuk mengembalikan semula pelan cadangan yang telah dipinda dalam tempoh tersebut atau tempoh kebenaran yang dilanjutkan, permohonan kebenaran merancang itu disifatkan telah dibatalkan.

Tarikh :

Meterai :
(Pegawai diberi kuasa)

LAMPIRAN A

JADUAL PERTAMA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG A(3)

PERMOHONAN SEMULA KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 4(2)]

(mengikut subseksyen 21(4) atau 21B (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan

.....
.....

*Saya/Kami
(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat

Nombor Kad Pengenalan : dengan ini mengemukakan semula permohonan bagi kebenaran merancang seperti yang diarahkan oleh pihak tuan sebagaimana dalam pelan Nombor Rujukan Fail : dan Nombor Rujukan Pendaftaran Kebenaran Merancang : yang diberi kepada *saya/kami pada untuk dipertimbangkan semula bagi kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan yang dicadangkan di atas Nombor Lot : beralamat

.....
.....

dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

Tarikh :
.....
(tanda tangan pemohon)

* Potong mana yang tidak berkenaan

JADUAL PERTAMA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG B

**PERMOHONAN BAGI PELANJUTAN/PELANJUTAN TAMBAHAN
KEBENARAN MERANCANG**

[kaedah 5]

(mengikut subseksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan

.....
.....

*Saya/Kami
(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat
Nombor Kad Pengenalan : dengan ini memohon *pelanjutan/pelanjutan
tambahan kebenaran merancang Nombor Rujukan Fail : dan Nombor Rujukan
Pendaftaran Kebenaran Merancang : yang diberi kepada *saya/kami pada
..... berkenaan dengan pemajuan yang dicadangkan di atas Nombor Lot :
..... beralamat
dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

2. *Saya/Kami belum memulakan pemajuan dan tidak akan dapat berbuat demikian
sebelum kebenaran merancang luput, di atas sebab-sebab berikut:

.....
.....
.....

3. *Saya/Kami lampirkan No. Resit : bagi jumlah wang Ringgit Malaysia :
..... (RM.....) yang dikeluarkan kepada *saya/kami
pada bagi fi untuk permohonan asal *saya/kami bagi kebenaran merancang.

Tarikh :
(tanda tangan pemohon)

Nama :
Nombor Kad Pengenalan :
Jawatan :
Nombor P.A. (jika ada) :

Nombor Telefon :
Nombor Faks :
Alamat E-mel :

* Potong mana yang tidak berkenaan

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

Nombor Pendaftaran Permohonan Kebenaran Merancang :
Tarikh terima :
Nombor rujukan fail :
Nama Rancangan Tempatan :
Jenis penggunaan dalam Rancangan Tempatan :
Tarikh *kebenaran merancang/pelanjutan akhir :
Tarikh tamat tempoh *kebenaran merancang/pelanjutan akhir :
Tarikh diakui terima :

* Potong mana yang tidak berkenaan

JADUAL PERTAMA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG C(1)

PEMBERIAN KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 10(1)]

(mengikut subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Nombor rujukan :

KEBENARAN MERANCANG adalah dengan ini diberi kepada

(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat

bagi tujuan

(nyatakan jenis pemajuan)

oleh Perbadanan Labuan bagi tempoh dua belas (12) bulan bermula dari tarikh notis ini ditandatangani, seperti yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. yang diadakan pada sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Nombor Rujukan Fail : bagi Nombor Lot : beralamat dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

Pemberian kebenaran merancang adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Mengikut peruntukan perenggan 23(1)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [P.U. (A) 442/2010]), tuan berhak membuat rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh Perbadanan Labuan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh keputusan ini disampaikan. Rayuan hendaklah dialamatkan kepada Lembaga Rayuan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tarikh :

Meterai :

(Pegawai diberi kuasa)

JADUAL PERTAMA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG C(2)

PENOLAKAN KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 10(2)]

(mengikut subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Kepada:

.....
.....
.....

Perbadanan Labuan, seperti yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. yang diadakan pada, setelah menimbang permohonan tuan dan mengambil kira perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang dengan ini membuat keputusan **MENOLAK KEBENARAN MERANCANG** yang dipohon oleh

.....
(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat

bagi tujuan

(nyatakan jenis pemajuan)

sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Nombor Rujukan Fail : bagi Nombor Lot :

..... dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

Perbadanan Labuan telah menolak kebenaran merancang di atas sebab-sebab berikut:

.....
.....
.....

Penolakan kebenaran merancang adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

.....
.....
.....

Mengikut peruntukan perenggan 23(1)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010

[P.U. (A) 442/2010]), tuan berhak membuat rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh Perbadanan Labuan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh keputusan ini disampaikan. Rayuan hendaklah dialamatkan kepada Lembaga Rayuan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tarikh :

Meterai :
(Pegawai diberi kuasa)

JADUAL KEDUA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

**DOKUMEN-DOKUMEN DAN PELAN-PELAN YANG PERLU DISERTAKAN
BERSAMA PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

[subkaedah 3(2)]

(mengikut subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

1. Bilangan salinan pelan tiap-tiap satu mengikut keperluan, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh Perbadanan Labuan, akan pelan tapak atau pelan susun atur yang ditandatangani oleh pemohon, pemunya tanah berdaftar dan orang yang menyediakan pelan itu.

Pelan itu hendaklah:

- (a) dilukis mengikut skala yang sesuai beza antara 1:200 hingga 1:1000 atau yang setara dengannya;
- (b) menunjukkan tapak sebenar di mana bangunan yang dicadangkan itu akan didirikan atau, mengenai bangunan yang sedia ada, tapak sebenar di mana bangunan itu berdiri;
- (c) menunjukkan nombor lot dan kawasan tanah;
- (d) menunjukkan dengan jelas dengan warna-warna yang sesuai pelbagai penggunaan tanah itu;
- (e) menunjukkan kedudukan, pepenjuru, persilangan dan lebar semua jalan baru yang dicadangkan hendak dirizabkan, disusun atur atau dibina di atas tanah itu;
- (f) menunjukkan sistem perparitan, aliran permukaan dan sistem takungan yang keluar ke sungai dan sistem kumbahan ke loji rawatan kumbahan yang dicadangkan atau disediakan yang tidak mengganggu saliran semula jadi di kawasan terbabit;
- (g) menunjukkan jalan masuk yang sah dari tapak ke jalan raya awam;
- (h) menunjukkan jenis-jenis kegunaan dan struktur binaan di tanah berjiran kepada tanah yang hendak dibangunkan, yang mana tanah berjiran tersebut akan

memberi kesan atau menerima kesan daripada pembangunan yang hendak dijalankan di atas tanah tersebut;

- (i) menunjukkan garisan bangunan dan anjakan belakang dari simpanan jalan;
 - (j) menunjukkan pengekal seni taman, atau pokok selaras dengan seksyen 35 Akta, ke atas pemajuan yang dicadangkan;
 - (k) menunjukkan garisan kontur mengikut jeda di antara 1 hingga 5 meter;
 - (l) menunjukkan cadangan ketinggian aras baharu tapak iaitu tidak kurang 3.0 meter dari Aras Purata Laut (*Means Sea Level*);
 - (m) menunjukkan tanda utara, kiblat dan skala;
 - (n) menunjukkan susunan tempat parkir dan jadual pengiraan keperluan;
 - (o) menyediakan ruang-ruang syarat teknikal dan syarat kelulusan Perbadanan Labuan di atas pelan;
 - (p) menunjukkan tajuk yang menyatakan tujuan pembangunan dan bilangan tingkat, nombor lot, nama jalan, nama kampung (mana yang berkenaan) di atas pelan;
 - (q) menunjukkan jenis, keluasan, fasa dan peratus pembangunan;
 - (r) menunjukkan skala pemajuan;
 - (s) menunjukkan nama, alamat, tandatangan dan cop rasmi Orang Yang Mengemukakan (Jururancang Bandar/Arkitek/Jurutera Bertauliah);
 - (t) menunjukkan nama, alamat, tandatangan dan cop rasmi pemaju (jika berkenaan);
 - (u) menunjukkan nama, alamat dan tandatangan pemilik tanah berdaftar;
 - (v) menunjukkan kepadatan dan nisbah plot, jika berkenaan; dan
 - (w) menunjukkan kajian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (*ESA*), jika berkenaan.
2. Mengemukakan suatu pernyataan yang memperihalkan pemajuan yang dicadangkan iaitu Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) seperti yang ditetapkan di bawah subseksyen 21A(1) Akta (hanya disediakan oleh Jururancang Bandar Bertauliah).

3. Mengemukakan salinan diakui sah hakmilik tanah yang diperakui (geran tanah, sijil carian rasmi terkini dan dokumen tanah yang berkenaan, jika ada).
4. Mengemukakan dokumen-dokumen sah untuk menjamin adanya laluan yang sah dari tapak ke jalan raya awam.
5. Bilangan salinan pelan tiap-tiap satu mengikut keperluan, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh Perbadanan Labuan, akan lakaran pelan bangunan yang dicadangkan atau tambahan-tambahan yang dicadangkan atau perubahan-perubahan kepada bangunan yang sedia ada, yang menunjukkan aras, bahagian dan kegunaan-kegunaan yang dicadangkan bagi tiap-tiap tingkat dan ukuran masing-masing.
6. Suatu contoh atau ilustrasi mengikut perspektif pemajuan yang dicadangkan, jika dikehendaki oleh Perbadanan Labuan.
7. Bergantung kepada jenis permohonan, dokumen-dokumen sokongan seperti laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (*EIA*), laporan Penilaian Kesan Sosial (*SIA*), laporan Penilaian Kesan Lalu Lintas (*TIA*), laporan lengkap pelan kawalan hakisan dan kelodak, laporan geoteknikal dan geologi serta sistem perparitan yang diperakui yang disediakan dan disahkan oleh professional bertauliah dalam bidang berkaitan serta surat perakuan oleh jabatan teknikal berkaitan.
8. Mengemukakan maklumat kos projek dan nilai kasar pembangunan (*gross development value*).

JADUAL KETIGA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BAHAGIAN 1

FI PERMOHONAN BAGI KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 3(1) dan kaedah 5]
(mengikut perenggan 58(2)(j) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN	FI (RM)
1.	<p>PEMBINAAN BANGUNAN BARU DI ATAS TANAH KOSONG ATAU MENGGANTIKAN BANGUNAN YANG SEDIA ADA DI ATAS SESUATU TANAH</p> <p>A. KEDIAMAN</p> <p>(i) 100 unit pertama (ii) 100 unit yang berikutnya (iii) Lebih 200 unit (iv) Kos rendah</p> <p>B. PERINDUSTRIAN</p> <p>(i) 100 meter persegi atau kurang (ii) 101 meter persegi – 175 meter persegi (iii) Bagi setiap 50 meter persegi yang berikutnya</p> <p>C. PERDAGANGAN/PEJABAT/INSTITUSI</p> <p>(i) 100 meter persegi atau kurang (ii) 101 meter persegi – 175 meter persegi (iii) Bagi setiap 50 meter persegi yang berikutnya</p> <p>D. HOTEL/RUMAH PENGINAPAN</p> <p>E. STESEN MINYAK/GAS</p>	<p>30.00 bagi setiap unit 25.00 bagi setiap unit 20.00 bagi setiap unit 10.00 bagi setiap unit</p> <p>55.00 35.00 30.00</p> <p>50.00 30.00 25.00</p> <p>10.00 bagi setiap bilik</p> <p>1,000.00 bagi setiap permohonan</p>

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN	FI (RM)
2.	F. PADANG GOLF	1,000.00 bagi setiap permohonan
	G. INFRASTRUKTUR DAN UTILITI	
	(i) Menara Telekomunikasi	500.00 bagi setiap permohonan
	(ii) Paip Minyak/Gas	500.00 bagi setiap permohonan
	(iii) Ibusawat/Bekalan Elektrik	500.00 bagi setiap permohonan
	(iv) Sistem Pembentungan	500.00 bagi setiap permohonan
	(v) Tapak/Stesen Transit Sisa Pepejal	500.00 bagi setiap permohonan
	H. LAIN-LAIN	
	(i) Marina	1,000.00 bagi setiap permohonan
	(ii) Kubur/Krematorium/Palor Swasta	2,000.00 bagi setiap hektar
	(iii) Tempat Letak Kereta	2.00 bagi setiap bay
	(iv) Tempat Letak Kenderaan Berat	5.00 bagi setiap bay
I. PEMBANGUNAN BERCAMPUR Kediaman dan bukan kediaman	Fi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang 3, perenggan A hingga H	
2. UNTUK MENJALANKAN TAMBAHAN/PINDAAN		
(i) Untuk tambahan/perubahan yang melibatkan tambahan bilangan unit/ruang lantai	Fi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang 3, perenggan A hingga H bagi setiap tambahan unit atau ruang lantai	
(ii) Untuk tambahan/perubahan yang tidak melibatkan tambahan unit/ruang lantai	30.00 bagi setiap permohonan	

BIL.	JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN	FI (RM)
3.	UNTUK MEMBUAT PERUBAHAN YANG MATERIAL PADA KEGUNAAN TANAH	30.00 bagi setiap permohonan

BAHAGIAN 2

FI BAGI PERMOHONAN UNTUK MELANJUTKAN ATAU MELANJUTKAN LAGI KEBENARAN MERANCANG

[kaedah 5]

(mengikut subseksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN	FI (RM)
Untuk semua jenis dan komponen pemajuan	50% daripada fi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang 3, BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 3

FI BAGI PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 3(1)]

(mengikut subseksyen 27(3) dan 28(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

JENIS DAN KOMPONEN PEMAJUAN	FI (RM)
Untuk pemajuan di mana tidak terdapat kebenaran merancang yang sah atau kelulusan pelan bangunan yang sah	10 kali ganda fi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang 3, BAHAGIAN 1

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG A

NOTIS KEPADA PEMUNYA TANAH BERJIRAN

[kaedah 8]

(mengikut subseksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Kepada:

.....
.....
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa Perbadanan Labuan telah menerima suatu permohonan daripada

.....
(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat

bagi kebenaran merancang bagi tujuan

(nyatakan jenis pemajuan)

di atas Nombor Lot : beralamat

..... dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

NOTIS INI adalah untuk memaklumkan kepada kamu tentang hak kamu, sebagai pemunya tanah berjiran dengan tanah yang berkaitan dengan permohonan, untuk membantah permohonan itu dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh notis ini disampaikan. Bantahan mesti disertakan dengan suatu kenyataan dengan alasan-alasan baginya.

Dalam menimbangkan permohonan itu, Perbadanan Labuan akan mengambil kira apa-apa bantahan yang kamu buat dan alasan-alasannya untuk pertimbangan, dan kamu akan diberitahu berkenaan keputusan Perbadanan Labuan dalam perkara itu. Butir-butir mengenai pemajuan yang dicadangkan itu boleh didapati dari pejabat Perbadanan Labuan.

Tarikh :

Meterai :
(Pegawai diberi kuasa)

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG B

NOTIS KEPADA PEMBANTAH TERHADAP PEMBERIAN KEBENARAN MERANCANG

[kaedah 11]

(mengikut subseksyen 22(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Kepada:

.....
.....
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa Perbadanan Labuan selepas mendengar bantahan kamu dan dengan mengambil pertimbangan perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang, telah memutuskan untuk memberi kebenaran merancang kepada

..... beralamat
(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

..... bagi tujuan

.....
(nyatakan jenis pemajuan)

bagi Nombor Lot : beralamat
..... dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

Pemberian kebenaran merancang ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

.....
.....
.....

INI ADALAH UNTUK MEMBERITAHU KAMU:

* bahawa Perbadanan Labuan tidak mencapai apa-apa keputusan menyokong bantahan kamu.

* bahawa Perbadanan Labuan telah memberi kebenaran merancang tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

.....
.....
.....

Mengikut peruntukan perenggan 23(1)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [P.U. (A) 442/2010]), tuan berhak membuat rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh Perbadanan Labuan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh keputusan ini disampaikan. Rayuan hendaklah dialamatkan kepada Lembaga Rayuan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tarikh :

Meterai :
(Pegawai diberi kuasa)

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG C(1)

**PERINTAH PEMBATALAN KEBENARAN MERANCANG
ATAU KELULUSAN PELAN BANGUNAN**

[subkaedah 12(1)]

(mengikut subseksyen 25(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Nombor Rujukan :

BAHAWASANYA pada pendapat Perbadanan Labuan, adalah untuk kepentingan awam supaya dibatalkan *kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan Nombor Rujukan Fail : dan Nombor Rujukan Pendaftaran Kebenaran Merancang : yang diberi kepada

(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

pada di bawah subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [P.U. (A) 442/2010]):

Perbadanan Labuan, pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen 25(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [P.U. (A) 442/2010]), dengan ini memerintahkan supaya *kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dibatalkan.

Kamu adalah dikehendaki merobohkan *bangunan/bangunan-bangunan yang didirikan menurut *kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dalam tempoh

(tempoh masa)

dari tarikh pengesahan perintah ini oleh Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan.

Perbadanan Labuan bersedia untuk membayar balik wang sebanyak Ringgit Malaysia : (RM.....) berkenaan dengan kos yang dilakukan oleh kamu pada menjalankan perobohan itu.

Tarikh :

Meterai :

(Pegawai diberi kuasa)

* Potong mana yang tidak berkenaan

TAMBAHAN

Kepada:

.....
.....
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa Perbadanan Labuan telah memerintahkan pembatalan *kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan Nombor Rujukan Fail : dan Nombor Rujukan Pendaftaran Kebenaran Merancang : yang diberi kepada kamu pada

Satu salinan perintah tersebut adalah dengan ini disampaikan kepada kamu menurut subkaedah 12(3) Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2024.

Pembatalan tersebut telah disahkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan pada

Kamu boleh, dalam tempoh enam (6) bulan selepas perintah ini disampaikan, dengan menggunakan Borang A dalam Jadual Kelima Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2024, membuat tuntutan pampasan daripada Perbadanan Labuan bagi apa-apa perbelanjaan yang kamu telah lakukan pada menjalankan kerja-kerja untuk melaksanakan *kebenaran/kelulusan sebelum pembatalannya.

Tarikh :

Meterai :
(Pegawai diberi kuasa)

* Potong mana yang tidak berkenaan

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG C(2)

**PERINTAH PENGUBAHSUAIAN KEBENARAN MERANCANG
ATAU KELULUSAN PELAN BANGUNAN**

[subkaedah 12(2)]

(mengikut subseksyen 25(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Nombor Rujukan :

BAHAWASANYA pada pendapat Perbadanan Labuan, adalah untuk kepentingan awam supaya diubah suai *kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan Nombor Rujukan Fail : dan Nombor Rujukan Pendaftaran Kebenaran Merancang : yang diberi kepada

(nama penuh pemohon dengan huruf besar)

pada di bawah subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [P.U. (A) 442/2010]):

Perbadanan Labuan, pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen 25(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [P.U. (A) 442/2010]), dengan ini memerintahkan supaya *kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan tersebut diubah suai sebagaimana yang ditetapkan dalam arahan-arahan yang dilampirkan pada perintah ini.

Tarikh :

Meterai :

(Pegawai diberi kuasa)

* Potong mana yang tidak berkenaan.

LAMPIRAN

TAMBAHAN

Kepada:

.....
.....
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa Perbadanan Labuan telah memerintahkan supaya diubah suai *kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan Nombor Rujukan Fail : dan Nombor Rujukan Pendaftaran Kebenaran Merancang : yang diberi kepada kamu pada

Satu salinan perintah tersebut adalah dengan ini disampaikan kepada kamu menurut subkaedah 12(3) Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2024.

Pengubahsuaian tersebut telah disahkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan pada

Kamu boleh, dalam tempoh enam (6) bulan selepas perintah ini disampaikan, dengan menggunakan Borang B dalam Jadual Kelima Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2024, menuntut daripada Perbadanan Labuan kos yang munasabah dilakukan oleh kamu dalam menjalankan pengubahsuaian itu, iaitu kos yang tentu tidak dilakukan oleh kamu jika tidak diperintahkan pengubahsuaian itu dijalankan, dan pampasan bagi apa-apa kerugian yang kamu alami akibat daripada pengubahsuaian itu.

Tarikh :

Meterai :
(Pegawai diberi kuasa)

* Potong mana yang tidak berkenaan

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2024

BORANG D

**NOTIS SUPAYA MEMULIHKAN SEMULA TANAH
DALAM HAL PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG**

[subkaedah 14(1)]

(mengikut perenggan 27(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976)

Kepada:

.....

.....

.....

(Pemunya/Penghuni/Orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA pada pendapat Perbadanan Labuan, pemajuan yang butir-butirnya diberi di bawah ini telah dijalankan tanpa kebenaran merancang:

DAN BAHAWASANYA Perbadanan Labuan berpuas hati bahawa, sekiranya sesuatu permohonan untuk *kebenaran merancang/perlanjutan kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah dibuat di bawah *seksyen 22/subseksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (seperti yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [P.U. (A) 442/2010]) sebelum pemajuan dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, dan pada menjalankan kuasanya dengan wajar, Perbadanan Labuan telah enggan memberi kebenaran merancang bagi pemajuan itu:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki mematuhi, dalam tempoh dari
(tempoh masa)

dari tarikh notis ini disampaikan, kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

